


# Haaland, Nunez pernah baharu

---



**ERLING HAALAND**



### MANCHESTER CITY

**Pengurus:** Pep Guardiola  
**Layak selaku:** Juara Liga Perdana  
**Formasi:** 4-3-3  
**Barisan kemungkinan:** Ederson; Kyle Walker, Ruben Dias, John Stones, Joao Cancelo; Bernardo Silva, Rodri, Kevin De Bruyne; Riyad Mahrez, Erling Haaland, Jack Grealish

**LONDON:** Pertembungan dua kuasa besar Liga Perdana Inggeris (EPL) Manchester City dan Liverpool dalam Piala Perisai Komuniti esok pastinya menjanjikan saingan sengit.

Walaupun pada dasarnya perlawanan itu tidak memberi mata dan lebih kepada aksi pemanas badan sebelum EPL bermula seminggu kemudian, namun baik skuad *The Citizens* mahupun *Reds* mahu memastikan maruah terjaga.

Pertembungan itu juga akan memperlihatkan mampukah kedua penyerang baharu yang dibawa masuk pada musim ini memberi impak mahupun sekadar gah pada nama.

Kedua-dua kelab bergerak pantas untuk menambah lebih banyak pilihan memperkuat skuad pada musim ini.

City menandatangani bintang penyerang antarabangsa Norway, Erling Haaland dari Borussia Dortmund dan Liverpool mengambil penyerang antarabangsa Uruguay, Darwin Nunez dari Benfica.

Pemain yang ditandatangani ini mungkin mewakili perubahan gaya untuk kedua-dua pasukan dan menjadikan pertarungan ini lebih menarik - dan ia menjanjikan permulaan yang menakjubkan untuk musim ini.

### TIGA ASPEK TUMPUAN

Tiga perkara pasti menjadi bualan pemerhatian bola sepak khususnya daripada segi taktikal menjelang pertembungan epik esok.

Bagaimanakah Haaland akan menyesuaikan diri dengan permainan *The Citizens* kerana gaya penyerang muda ini sedikit berbeza dengan corak yang

## PERISAI KOMUNITI



### JADUAL

#### ESOK

LIVERPOOL LWN MAN. CITY  
(Stadium King Power, 12.05 pagi)

ditampilkan City di bawah jurulatih mereka Pep Guardiola.

Guardiola terkenal kerana lebih suka gaya permainan yang lancar dalam fasa menyerang tanpa penyerang tetap yang sebenar.

Musim lalu pemain seperti Phil Foden, Bernardo Silva dan Raheem Sterling menghabiskan masa di kedudukan '9'.

Dalam perlawanan ini adalah menarik untuk melihat bagaimana Haaland digunakan dan mampukah ia mempengaruhi pertahanan Liverpool.

Pemain seperti Haaland adalah prospek yang sukar untuk dipertahankan memandangkan saiz dan kapasiti fizikalnya yang besar.

Dengan Haaland mengancam untuk berlari di belakang barisan pertahanan kita akan melihat lebih banyak ruang dicipta untuk pemain seperti De Bruyne, Foden dan Bernardo Silva untuk menyerang.

### NUNEZ, DIAZ GANTI MANE?

Bagi *Reds* pula, menentang City akan memberi gambaran tentang bagaimana Liverpool merancang untuk menggantikan Sadio Mane dengan pemain Colombia, Luis Diaz yang berkeungkinan dilantik sebagai pengganti tetapnya.

Diaz merupakan penyerang dinamik yang memberikan ancaman sebenar dari segi pergerakan agresifnya.

Ini bermakna sesiapa sahaja yang mengisi pertahanan City, sama ada Kyle Walker atau Joao Cancelo, perlu lebih menahan untuk terlalu agresif menyokong serangan.

Peranan sebenar Nunez belum dapat dipastikan kerana Klopp yang terkenal dengan formasi 4-3-3 pastinya akan menguji Mohamed Salah-Diaz atau Roberto Firmino ddi Stadium King Power esok. - AGENSI



### LIVERPOOL

**Pengurus:** Jurgen Klopp  
**Layak selaku:** Juara Piala FA  
**Formasi:** 4-3-3  
**Barisan kemungkinan:** Adrian; Trent Alexander-Arnold, Joel Matip, Virgil Van Dijk, Andrew Robertson; Jordan Henderson, Fabinho, Thiago Alcantara; Mohamed Salah, Roberto Firmino, Luis Diaz

### DARWIN NUNEZ

